

# Kontraktor alibaba tak diberi projek kerajaan dalam RMK-9

BH-29/7/2006

**B**ALIK PULAU: Syarikat Bumiputera yang tidak melaksanakan sendiri projek ditawarkan kepada mereka, tidak akan dibenarkan menyertai projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi mengelak ketirisan dalam pengagihan tender kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Helmi Yahaya, berkata ini disebabkan kerajaan sedar ada kontraktor terutama kelas F, aktif memohon projek walaupun mereka tidak ada pejabat.

"Kontraktor seperti ini tidak mengusahakan sendiri projek diberikan, sebaliknya 'menjual' kepada pihak lain atau 'mengalibabakan' projek berkenaan," katanya sambil mengaku perkara sama berlaku di kawasan Parlimennya, Balik Pulau.

"Syarikat ini tiada ada pejabat pun dan kerajaan memantau perkara ini. Kontraktor terbabit akan disenarai hitam dan tidak diberi projek," katanya selepas menghadiri majlis persaraan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Balik Pulau, Hasiyah Man, di sini semalam.

Pada majlis itu, Helmi turut menerima sumbangan guru, pelajar dan kakitangan sekolah itu berjumlah RM1,919.19 untuk didermakan

kepada mangsa tsunami dan gempa bumi di Yogyakarta yang kemudiannya disampaikan kepada Penyelia Berita Mutiara FM, Sinarsuria Zaini.

Helmi diminta mengulas mengenai pengagihan tender projek yang dilaksanakan dalam RMK-9. Sebagai permulaan, 880 projek bernilai RM15 bilion akan ditender tidak lama lagi.

Mengenai kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam RMK-8, Helmi berkata, kerajaan juga memberi pertimbangan sewajarnya bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

FAKTA NOMBOR

Rancangan Malaysia Kesembilan

**880**

Projek

**RM15b**

Nilai projek